

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN P. KASTHURIRAANI (BATU KAWAN)

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes bunuh yang melibatkan mangsa wanita yang pernah membuat laporan polis mereka didera atau dihendap sebelum dibunuh mengikut pecahan negeri dan tahun dari tahun 2015 sehingga kini serta apakah status pindaan Kanun Keseksaan untuk menjenayahkan aktiviti menghendap (*stalking*).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), dari tahun 2015 sehingga 31 Ogos 2021, tiada kes kematian wanita yang melibatkan penghendap atau *stalker* di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh sama, kes penderaan wanita sehingga berlaku kematian adalah seramai 18 orang. Dari jumlah tersebut, sebanyak 14 kematian adalah di Selangor. Kes tertinggi dicatatkan pada tahun 2016 dengan lima (5) kematian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian dan pindaan terhadap Kanun Keseksaan untuk menjenayahkan aktiviti menghendap (*stalking*) bukanlah di bawah bidang kuasa KDN, tetapi di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berdasarkan maklumat daripada BHEUU, status terkini untuk menjenayahkan aktiviti menghendap (*stalking*) sedang dalam tindakan pihak BHEUU. Draf pindaan telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk semakan sebelum dapat dibentangkan kepada Jemaah Menteri.